

## **STPM Kertas 1 2016:**

### **Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan**

- (a) (i) Perakaunan dikenali sebagai bahasa perniagaan kerana sesuatu bahasa, perakaunan digunakan sebagai satu alat komunikasi. Bahasa mengkomunikasikan idea, pendapat, perasaan dan sebagainya, manakala perakaunan digunakan untuk mengkomunikasikan maklumat kewangan perniagaan.
- (ii) Tiga kepentingan perakaunan kepada masyarakat:
1. Membantu memupuk satu tabiat akauntabiliti di kalangan masyarakat.
  2. Membantu masyarakat membuat keputusan yang lebih baik berdasarkan kepada maklumat yang disediakan oleh perakaunan.
  3. Membantu membina satu masyarakat yang mementingkan keadilan sosial dan ekonomi.
- (b) (i) Prinsip, andaian, konsep atau konvensyen perakaunan yang perlu dipatuhi:
- (1) Perniagaan Cerdik perlu mematuhi prinsip **keobjektifan**, iaitu melaporkan kerugian yang sebenar sebanyak RM4,000. Prinsip ini memerlukan urus niaga direkodkan secara objektif tanpa sebarang kemusykilan.
  - (2) Perniagaan Cerdik perlu mematuhi prinsip **pengiktirafan hasil**. Mengikut prinsip ini, hasil akan diiktiraf apabila terperoleh. Dalam kes ini, hasil telah terperoleh bagi bulan Disember dan harus diiktiraf dan tidak perlu tunggu sehingga ia diterima.
  - (3) Perniagaan Cerdik perlu mematuhi prinsip **pendedahan penuh** dan mendedahkan maklumat ini sebagai liabiliti luar jangka dalam nota-nota kepada akaun. Oleh kerana kemungkinan ia berlaku adalah kurang pasti, maka ia tidak dapat diiktiraf sebagai liabiliti.
  - (4) Perniagaan Cerdik harus mematuhi prinsip **pemadanan** dan mengiktirafkan semua belanja yang terlibat dalam tempoh kewangan yang berkaitan. Bayaran belanja gaji dan utiliti adalah belanja bulan Disember tempoh kewangan tersebut.
  - (5) Perniagaan Cerdik perlu mematuhi andaian **entiti berasingan** kerana urus niaga ini merujuk kepada ambilan inventori untuk tujuan peribadi. Maka, ambilan set perisian dan buku panduan yang berkos RM400 (bukan RM750) akan direkodkan dalam akaun ambilan.
  - (6) Perniagaan Cerdik perlu mengamalkan prinsip **ketekalan**. Prinsip ini memerlukan kaedah susut nilai yang dipilih, iaitu kaedah baki berkurangan, akan menjadi polisi perakaunan perniagaan dan mesti digunakan secara konsisten semasa pengiraan susut nilai pada akhir setiap tahun.

(ii) Kesan terhadap aset, liabiliti atau ekuiti pemilik:

Urus niaga	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
(1)	(4,000)	-	(4,000)
(2)	4,000	-	4,000
(3)	-	-	-
(4)	(10,243) (1,852)	-	(10,243) (1,852)
(5)	(400)	-	(400)
(6)	(11,730)		(11,730)

Nota:

1. Bagi urus niaga (3), liabiliti luar jangka bukanlah liabiliti yang diiktiraf. Maka, tiada kesan sehingga ia diiktiraf, iaitu apabila kes mahkamah memutuskan perniagaan perlu membayar ganti rugi.
2. Belanja susut nilai =  $(195,500 \times 60\%) \times 10\% = RM11,730$